

<b>TARIKH</b>	SELASA, 14 SEPTEMBER 2021
<b>AKHBAR</b>	KOSMO!
<b>TAJUK ARTIKEL</b>	UMT HASILKAN MODUL SELAMATKAN NYAWA PENYU
<b>M/S</b>	17
<b>BIDANG</b>	ENVIRONMENT
<b>KATA KUNCI</b>	ENVIRONMENT

## UMT hasilkan modul selamatkan nyawa penyu

**KUALA NERUS** - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengambil inisiatif menghasilkan modul latihan pengurusan (MLP) pemuliharaan penyu untuk diguna pakai di semua pusat konservasi dan santuari haiwan reptilia itu di seluruh negara.

Naib Canselor UMT, Prof. Dr. Mazlan Abd. Ghaffar berkata, MLP mengandungi piawaian pengurusan pendaratan dan persarangan penyu di negara ini.

"UMT berkongsi kepakaran dalam bidang konservasi penyu menerusi MLP yang diharapkan dapat dijadikan rujukan untuk semua pengendali pusat konservasi dan santuari penyu serta agensi pelancongan di negara ini.

"MLP juga akan meningkatkan

kefahaman awam terhadap haiwan reptilia yang diancam kepupusan tersebut," katanya ketika melancarkan modul berkenaan secara online semalam.

Sementara itu, Ketua Penyelidik Unit Penyelidikan Penyu (Seatru) Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) UMT, Dr. Uzair Rusli pula berkata, MLP akan menjadi perintis kepada garis panduan pelancongan berteraskan pendidikan atau 'edutourism' melibatkan aktiviti konservasi penyu di negara ini.

Menurutnya, program 'edutourism' tersebut akan disebarkan selepas penguatkuasaan penjualan telur penyu oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada akhir tahun ini.



SALAH satu program sukarelawan pemuliharaan penyu yang pernah dianjurkan UMT.

**DISEDIAKAN OLEH**

**1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM**  
**2-CARLOS LINTON (S19), BPM**  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM